

**SEMAKAN
DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN DISEMBER TAHUN 2021
(DPT BLN12/2021)**

**DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN DISEMBER 2021
(DPT BLN12/2021)**

1. DPT BLN12/2021 telah diperaku dan diwartakan pada **14 Januari 2022 dan dibuka untuk semakan selama 6 bulan mulai 14 Januari 2022 hingga 13 Julai 2022.**

2. DPT BLN 12/2012 ini mengandungi seperti berikut:
 - (a) **5,718,760** orang warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas sehingga 31 Disember 2021 yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu;
 - (b) **25,220** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya;
 - (c) **9,293** orang pemilih bertukar status/kategori pengundi.

3. DPT BLN12/2021 boleh disemak melalui kaedah-kaedah berikut:
 - (a) Portal SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>**; atau **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**;
 - (b) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**;
 - (c) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan **<http://ppn.spr.gov.my>**; atau
 - (d) Hotline SPR di talian **03-8892 7018**.

TUNTUTAN

1. Dalam tempoh semakan ini, **warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas sehingga 31 Disember 2021** atau **pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran status/kategori pengundi** yang mendapati namanya **tiada** dalam DPT BLN12/2021 boleh mengemukakan **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C**.
2. Selain itu, mana-mana pemilih yang namanya ada dalam DPT BLN12/2021 mendapati terdapat kesilapan maklumat atau **kesilapan kawasan pendaftaran** juga boleh mengemukakan **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C**.
3. TUNTUTAN boleh dikemukakan secara dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>** atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja. **Tiada** bayaran fi dikenakan bagi tuntutan.

BANTAHAN

1. Dalam tempoh semakan ini juga, mana-mana pemilih berdaftar di suatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya, hendaklah mengisi **Borang D**.
2. Seorang pembantah dibenarkan membantah **tidak boleh melebihi 20 nama dengan bayaran fi sebanyak RM10 bagi setiap orang yang dibantah (OKB)**.
3. Pembantah hendaklah **hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja** untuk mengemukakan Borang D serta bayaran fi bagi bantahan tersebut.